

IBNU KHALDUN TOKOH PEMIKIR BIDANG SOSIOLOGI



Nama Sebenarnya:
**Abu Zaid Abdul Rahman ibn
Muhammad ibn Khaldun Wali-
ad-Din al-Tunisi al-Hadrami**

Tarikh Lahir: 27 Mei 1332

Tempat Lahir: Tunisia

Ibnu Khaldun dibesarkan dalam sebuah keluarga yang sering melibatkan diri dalam bidang politik dan pengajian ilmu. Ibnu Khaldun menerima pendidikan awal dalam bidang keagamaan, logik, falsafah, matematik dan bahasa Arab. Minat dan kecenderungan Ibnu Khaldun dalam bidang-bidang tersebut ditambah dengan teori dan pemikiran beliau dalam sains kemasyarakatan telah menyebabkan beliau dilantik sebagai setiausaha negara dan juga hakim di Granada, Sepanyol pada tahun 1362.

Ibnu Khaldun juga pernah dilantik sebagai duta negara ke mahkamah "Pedro the Cruel of Castille" untuk mengesahkan perjanjian keamanan antara dua buah negara. Pemimpin-pemimpin beragama Kristian yang menyanjung tinggi Ibnu Khaldun sering mencuba berbagai-bagai cara agar Ibnu Khaldun berpihak kepada mereka dengan menawarkan harta pusaka yang dahulunya merupakan milik keluarga Ibnu Khaldun. Namun begitu, Ibnu Khaldun menolak tawaran tersebut kerana memegang tinggi prinsip integriti dan kejujuran dalam pentadbiran beliau.

ANTARA SUMBANGAN DALAM BIDANG SOSIOLOGI

Penulisan karya yang bertajuk *Muqaddimah* dan kemasyarakatan atau *Ilm Al-Umran*.

Ibnu Khaldun telah mengaplikasikan konsep saintifik, iaitu teori dan empirikal dalam kajiannya. Aspek teoretikal dalam penyelidikan beliau lebih banyak bertumpu pada sebab dan akibat

dalam sesebuah organisasi sosial. Peristiwa sejarah yang telah berlaku juga amat berkait rapat dengan latar belakang masyarakat tersebut. Manakala aspek empirikal dalam penyelidikan Ibnu Khaldun tentang masyarakat pula adalah bersandarkan pemerhatian dan perbandingan antara masyarakat yang berbeza serta kajian sejarah mengenai masyarakat tersebut.

Diiktiraf sebagai cendekiawan agung sepanjang zaman oleh dunia barat dan Islam yang turut menyumbang panduan terbaik untuk asas pembinaan tamadun Ibnu Khaldun berpendapat bahawa aspek rohani dan jasmani menjadi tonggak keunggulan sesebuah tamadun. Karya-karya dan cetusan pemikiran beliau menjadi wacana dan rujukan dalam perbincangan ilmiah serta akademik. Bahkan, terdapat sebuah universiti di Amerika Syarikat, American University, Washington District of Columbia, yang menjadikan nama beliau sebagai anugerah ilmiah terulung di universiti tersebut, iaitu *Ibn Khaldun Chair of Islamic Studies*.

HASIL KARYA PENULISAN

Sepanjang hayatnya, Ibnu Khaldun telah menulis begitu banyak karya penulisan. Namun begitu, karya beliau yang paling terkenal ialah *Muqaddimah*. *Muqaddimah* merupakan sebuah karya yang menceritakan tentang organisasi sosial manusia. Karya tersebut yang terdiri daripada enam bahagian turut menjadi rujukan dalam pelbagai bidang sains sosial, terutamanya sejarah dan sosiologi.